

# NORGAN TABLET

Norfloxacin (400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Norgan Tablet
2. Bagaimana Norgan Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Norgan Tablet
4. Cara menggunakan Norgan Tablet
5. Semasa menggunakan Norgan Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Norgan Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Norgan Tablet

Norfloxacin adalah kandungan aktif Norgan Tablet 400mg. Ia merupakan sejenis antibiotik. Ia digunakan dalam rawatan jangkitan saluran kencing jenis rumit dan tidak rumit untuk orang dewasa.

## Bagaimana Norgan Tablet berfungsi

Norfloxacin berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Norgan Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah terhadap norfloxacin atau kuinolon-kuinolon yang lain.
- Untuk kanak-kanak, remaja, wanita hamil atau yang menyusu.

### - Sebelum menggunakan Norgan Tablet

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda alergik terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
- Anda merancang untuk menyusu.
- Anda mempunyai *epilepsy* (gangguan sistem saraf yang boleh menyebabkan orang

tiba-tiba menjadi tidak sedar diri dan mempunyai kekerasan dan pergerakan badan yang tidak terkawal) atau masalah sistem saraf pusat (CNS).

- Anda mempunyai masalah fungsi hati atau buah pinggang terjejas, kekurangan enzim glucose-6-phosphate-dehydrogenase (G6PD) (sejenis keabnormalan yang menyebabkan ketidakcukupan enzim yang diperlukan ini) dalam jumlah yang tidak mencukupi) atau *myasthenia gravis* (kelemahan otot yang tidak normal).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Ubat ini tidak harus diguna dalam masa 4 jam setelah pengambilan sediaan yang mengandungi magnesium, aluminium atau iron salts.

Norfloxacin mungkin berinteraksi dengan pelbagai sebatian termasuk:

- Antasid, ubat yang membantu untuk merawat pedih ulu hati (masalah penceraan).
- Persediaan zat besi.
- Theophylline, ubat yang digunakan untuk merawat asma dan penyakit paru-paru yang lain.
- Warfarin, ubat untuk merawat darah beku.

Ini bukan senarai lengkap ubat-ubatan yang harus diperhati. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk selanjutnya.

## Cara menggunakan Norgan Tablet

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda

perlu rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

### - Berapa banyak harus digunakan Dewasa:

Jangkitan Saluran Kencing: Makan satu biji, dua kali sehari untuk 3 hingga 10 hari. Terapi mungkin perlu diteruskan sehingga 12 minggu untuk jangkitan saluran kencing kronik berulang. Dos mungkin boleh dikurangkan kepada satu biji satu kali sehari sekiranya terdapat tindak balas yang mencukupi dalam 4 minggu.

Doktor anda mungkin akan menetapkan dos yang lebih rendah untuk anda jika anda mempunyai penyakit buah pinggang.

**Gonorea:** dos tunggal, 800mg Telan tablet ini dengan segelas air satu jam sebelum makan atau dua jam selepas makan.

Ikat semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Terus gunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan berhenti mengambil ubat walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor. Jangkitan anda mungkin tidak dapat sembah dengan sepenuhnya jika anda terlalu awal berhenti menggunakan ubat anda.

- **Jika terlupa menggunakan**

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan Norgan Tablet**

- **Perkara yang perlu dilakukan**

Hubungi doktor sekiranya anda menjadi hamil semasa mengambil Norgan Tablet.

Anda perlu mengelakkan pengambilan air yang mencukupi. Jika anda mendapat cirit-birit yang teruk, beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan beri Norgan Tablet kepada orang lain walaupun simptom-simptom atau keadaan mereka serupa seperti anda. Doktor anda mempreskrib Tablet Norgan untuk anda dan keadaan anda.

Elakkan daripada pendedahan kepada cahaya matahari yang terik.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Jangan memandu atau mengoperasikan mana-mana kenderaan atau mesin kerana Norgan Tablet boleh menyebabkan mengantuk

terutamanya pengambilan serentak dengan alkohol.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubat lain, Norgan Tablet mempunyai kesan-sesan sampingan walaupun secara umumnya ia baik diterima. Kesan-sesan sampingan berikut mungkin akan terjadi dengan ubat ini:

Gangguan gastrousus termasuklah loya, muntah, cirit-birit, sakit perut dan dispepsia (masalah penceraan). Pseudomembranous colitis (radang usus besar) jarang dilaporkan. Sistem saraf pusat: sakit kepala, pening dan gelisah adalah yang paling biasa. Lain-lain mungkin termasuklah gegaran, gangguan penglihatan dan jarang sekali halusinasi, reaksi psikotik, kemurungan dan konvulsi. Peripheral neuropathy (kerosakan atau penyakit melibatkan saraf) kadang-kadang akan terjadi.

Kulit: ruam, *pruritus* (gatal), reaksi hipersensitiviti jenis mempengaruhi kulit termasuklah fotosensitif dan jarang sekali vaskulitis (radang saluran darah), sindrom *Stevens-Johnson* (gangguan kulit dan membran mukus) dan nekrolisis epidermal toksik (keadaan yang menyebabkan sebahagian besar epidermis, lapisan paling luar kulit menanggal daripada lapisan bawah kulit).

*Anaphylaxis* (reaksi alahan yang teruk pada seluruh badan kepada bahan kimia yang telah menjadi allergen). *Reversible arthralgia* (sakit sendi) kadang-kadang akan berlaku.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.

Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Norgan Tablet**

- **Penyimpanan**

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan dalam bekas tertutup yang tahan cahaya dan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

**Jauhi daripada kanak-kanak.**

- **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- **Rupa dan bentuk produk**

Tablet ini berwarna putih, berbentuk bujur, 17 x 6.5mm dengan garis skor serta tanda 'LIFE'.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
Setiap biji tablet mengandungi 400mg Norfloxacin.
- Bahan tidak aktif  
Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *isopropyl alcohol*, *microcrystalline cellulose pH10.1*, *corn starch*, *sodium starch glycolate*, *magnesium stearate*, *Colloidal Silicone Dioxide* dan *Povidone K-30*.

- **Nombor MAL**

MAL19985187AZ

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical  
Industries Sdn Bhd.  
Plot 14, Lebuhraya Kampung  
Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Pulau  
Pinang, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

12/04/2017

**Nombor siri:**

BPK(R4/1)080317/00021